

Tahap Kompetensi Kemahiran Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Perak Di Abad 21

Yufiza Mohd Yusof
Kolej Komuniti Sungai Siput
Email: fairlady_iz@yahoo.com

Azizah Shamli
Kolej Komuniti Cenderoh
Email: norshamli@yahoo.com

Siti Saleha Abdul Azis
Kolej Komuniti Pasir Salak
Email: saleha@kkpsa.edu.my

Abstract

The Legatum Prosperity Index Report reported 28 out of 104 countries showing that Malaysia's position in entrepreneurship and innovation is at a high level. Malaysia's performance is stimulated by the growing high-tech industry. The purpose of this study is to examine the level of entrepreneurship skills among students of the Perak Community College. The entrepreneurial skill level consists of cognitive competence, intrapersonal competence and interpersonal competence. A total of 235 respondents were selected from Sungai Siput Community College, Chenderoh Community College and Pasir Salak Community College involved in this study. This study uses simple sampling method. This is a descriptive study and a set of questionnaire has been distributed to obtain feedback. The analysis was carried out using SPSS v22. The results show that the level of entrepreneurship skills in three community colleges in Perak is moderately high. Elements of entrepreneurship skills consisted of mean score of 4.33 for cognitive competence, mean score of 4.23 for intrapersonal competence and mean score of 4.28 for interpersonal competence. The overall mean score is 4.28. This shows that students have the skills of entrepreneurship and are able to enhance the socio-economy of the nation as well as themselves.

Keywords: Entrepreneurial skills, competence, cognitive, intrapersonal and interpersonal.

Abstrak

Laporan Indeks Legatum Prosperity melaporkan 28 daripada 104 negara menunjukkan kedudukan Malaysia dalam bidang keusahawanan dan inovasi adalah pada tahap yang tinggi. Prestasi Malaysia dirangsang oleh industri berteknologi tinggi yang semakin berkembang. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat tahap kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Perak. Tahap kemahiran keusahawanan adalah terdiri daripada kompetensi kognitif, kompetensi intrapersonal dan kompetensi interpersonal. Seramai 235 responden dipilih dari Kolej Komuniti Sungai Siput, Kolej Komuniti Cenderoh dan Kolej Komuniti Pasir Salak terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan mudah. Kajian ini adalah kajian deskriptif dan borang soal selidik telah diedarkan untuk mendapat maklum balas. Analisis kajian telah dijalankan dengan menggunakan SPSS v22. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran keusahawanan pelajar-pelajar di tiga buah kolej komuniti Perak adalah pada tahap yang sederhana tinggi. Elemen-elemen kemahiran keusahawanan terdiri daripada skor min 4.33 untuk kompetensi kognitif, skor min 4.23 untuk kompetensi intrapersonal dan skor min 4.28 bagi kompetesni interpersonal. Oleh itu skor min keseluruhan adalah 4.28. Ini

menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kemahiran keusahawanan dan mampu untuk meningkatkan sosio-ekonomi negara dan juga diri sendiri.

Kata kunci: kemahiran keusahawanan, kompetensi, kognitif, intrapersonal and interpersonal.

1.0 Pengenalan

Untuk meningkatkan kefahaman pelajar dalam dunia keusahawanan ini, pendidik harus mengubah kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan memberi idea baru menggunakan kemahiran abad ke-21. Idea baru ini menjadikan pelajar lebih yakin dan lebih berdaya tahan menghadapi realiti kehidupan. Dalam menghadapi cabaran masa depan dan mengambil peluang, mereka boleh menggunakan kemahiran dan pengetahuan kognitif mereka dan memindahkannya ke dunia. Dalam Laporan Pembelajaran Masa Depan oleh Alexandria (2014), menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan melibatkan pelajar belajar bagaimana untuk menjalankan perniagaan sebenar. Aktiviti ini dapat membantu membangunkan pelbagai kompetensi dan kemahiran untuk digunakan dalam kehidupan dan pekerjaan. Aktiviti ini adalah relevan untuk semua bentuk pembelajaran, pendidikan dan latihan untuk menyokong perkembangan sikap keusahawanan, pengetahuan dan tingkah laku dengan atau tanpa tujuan komersil.

Bidang Keusahawanan adalah satu bidang strategik yang menjadi fokus utama sesebuah negara dan sentiasa berubah mengikut peredaran dunia global masa kini. Di Malaysia, perkataan usahawan telah digunakan pada tahun 1970-an selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Dasar Pembangunan Negara (1990-2000) dan Wawasan 2020, di mana semua pihak telah memberi galakkan dan memberi sokongan terhadap pembangunan keusahawanan di Malaysia. Menurut Sarimah 2008, “usahawan adalah satu takrifan am mengenai seseorang yang mendirikan sebuah entiti baru untuk menawarkan yang produk atau perkhidmatan baru ataupun yang berinovatif ke dalam pasaran sama ada ia membawa untung atau tidak”. Usahawan adalah seorang individu yang mampu melihat peluang untuk perniagaan dan mewujudkan sebuah organisasi untuk membangun dan menguruskan perniagaan yang berjaya.

Mahasiswa yang masih melanjutkan pelajaran di Institit Pengajian Tinggi (IPT) amat digalakkan menceburi bidang keusahawanan walaupun masih digelar pelajar. Mahasiswa perlu mencari peluang untuk menjadi usahawan walaupun masih belajar di IPT kerana aktiviti ini adalah salah satu peluang kepada mahasiswa menjana pendapatan semasa dan selepas tamat belajar nanti.

1.1. Sejarah Perkembangan Keushawanan

Di dalam laporan Indeks Legatum Prosperity melaporkan 28 daripada 104 negara menunjukkan kedudukan Malaysia dalam bidang keusahawanan dan inovasi tahap keusahawanan adalah pada tahap yang tinggi. Prestasi Malaysia dirangsang oleh industri berteknologi tinggi yang semakin berkembang. Eksport berteknologi tinggi merangkumi lebih separuh daripada jumlah eksport. Menurut kajian Legatum Prosperity, tahap penerimaan royalti menunjukkan bahawa Malaysia mampu memanfaatkan

inovasinya tersendiri. Bank Dunia mengkategorikan Malaysia di kedudukan ke-23 negara daripada 183 negara dalam kemudahan menjalankan perniagaan.

1.2 Pernyataan Masalah

Pembangunan sosio-ekonomi dalam sesebuah masyarakat dan Negara di abad ke 21 ini, menunjukkan bahawa aktiviti keusahawanan merupakan tunjang utama pertumbuhan negara. Menurut McClelland (1961), pertumbuhan ekonomi sesebuah negara menjadi terhad akibat daripada kekurangan kuantiti usahawan walaupun terdapat faktor-faktor penentu lain yang terlibat. Data daripada Laporan Lulusan Graduan Kolej Komuniti menunjukkan bahawa selepas tamat pengajian terdapat pengurangan untuk menjadi usahawan berlaku dari setahun ke setahun.

Jadual 1: Pelajar yang menjalankan perniagaan sendiri

Tahun	Jumlah pelajar	Peratus (peratus)	Perbezaan (peratus)	
2012	767	21.5	-	
2013	765	20.3	1.5	Berkurang
2014	209	10.0	19.7	Berkurang
2015	460	6.8	3.2	Berkurang
2016	560	6.5	0.7	Berkurang

Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan pelajar yang tamat pengajian di kolej komuniti yang menjalankan perniagaan sendiri. Sumber ini diperolehi dari Statistik Pendidikan Nasional, Kementerian Pendidikan Tinggi yang diambil dari tahun 2012, 2013, 2014, 2015 dan 2016. Didapati bahawa bilangan pelajar yang menceburi bidang keusahawanan dan menjalankan perniagaan kerjaya mereka adalah berkurang. Kenapa penurunan ini berlaku pada hal menjadi usahawan adalah agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia.

Apakah yang sebenarnya berlaku? Adakah pelajar kurang pendedahan atau mereka tidak berminat untuk menjadi usahawan? Dengan itu pihak pengkaji ingin melihat sejauh manakah pelajar mempunyai kemahiran keusahawanan untuk mereka menjalankan perniagaan mereka di dunia sebenar secara kompeten.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah: -

- 1.3.1 untuk mengenalpasti tahap kompetensi kognitif pelajar bagi kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti Negeri Perak di abad ke-21.
- 1.3.2 untuk mengenalpasti tahap kompetensi intrapersonal pelajar bagi kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti Negeri Perak di abad ke-21.

1.3.3 untuk mengenalpasti tahap kompetensi interpersonal pelajar bagi kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti Negeri Perak di abad ke-21.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah: -

1.4.1 Apakah tahap kompetensi kognitif pelajar bagi kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti Negeri Perak di abad ke-21?

1.4.2 Apakah tahap kompetensi intrapersonal pelajar bagi kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti Negeri Perak di abad ke-21?

1.4.3 Apakah tahap kompetensi interperson pelajar bagi kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti Negeri Perak di abad ke-21?

1.5 Signifikan Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat tahap kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti Negeri Perak di abad ke-21. Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar dari pelbagai program. Ini adalah untuk merealisasikan Lonjak 10 dalam Pelan Pendidikan Tinggi Negara untuk melahirkan pelajar yang bercirikan keusahawanan, holistik dan seimbang. Pengkaji mengharapkan dengan kajian ini dapat memberi signifikan kepada tiga kumpulan untuk meningkatkan lagi bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej komuniti. Tiga pihak yang diharap mempunyai signifikan daripada kajian ini adalah:

a. Pelajar

Dengan abad ke-21 ini pelajar harus boleh menhadapi hal sebenar dalam dunia ini. Pelajar perlu diberi ilmu yang yang sebenarnya, nilai-nilai dan kemahiran di abad ke-21 dan pengajaran dan pembelajaran yang boleh meningkatkan keyakinan mereka apabila berada di dunia sebenar ini. Melibatkan pelajar dengan kemahiran keusahawanan ini membolehkan mereka menjadi lebih kompeten seterusnya menjadi pemimpin di generasi baru ini.

b. Pensyarah

Pensyarah boleh merekabentuk alatbantu mengajar yang lebih relevan mengikut kebolehan pelajar. Dengan menggunakan alatbantu ini dapat meningkatkan kebolehan pelajar dengan keupayaan pelajar. Dengan ini pensyarah boleh membantu pembinaan kurikulum keusahawanan dari masa ke semasa. Dengan itu pensyarah boleh melibatkan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran secara active dan menarik.

c. Pihak pengurusan Kolej Komuniti

Pihak pengurusan kolej dapat mengenalpasti keperluan pensyarah dan pelajar. Pembelajaran di abad ke-21 ini memberikan peluang kepada pensyarah untuk mengajar di luar kotak. Pengajaran dan pembelajaran di

abad ke-21 ini membolehkan pihak pengurusan meningkatkan tahap keyakinan mereka untuk menghadapi dunia sebenar ini.

2.0 Kajian Literatur

2.1 Kemahiran Keusahawanan

Van Gelderen (2007) mentakrifkan kemahiran keusahawanan sebagai kebolehan yang diterjemahkan dalam kelakuan atau tindakan seseorang usahawan. Kemahiran ini merangkumi kemampuan untuk memulakan perniagaan baru, mengurus perniagaan, membuat keputusan, mengenal pasti peluang, mengurus masa, berkomunikasi dengan baik, menyelesaikan masalah secara kreatif dan mengurus stres yang semuanya dianggap sebagai kemahiran asas dalam pengurusan perniagaan. Di samping itu, Zaidatol (2007) telah menerangkan lebih 15 perkara asas yang perlu ditanya oleh bakal usahawan dengan menjalankan analisis kemahiran keusahawanan. Secara ringkasnya, kemahiran-kemahiran asas ini perlu dimanifestasikan dalam aktiviti seharian seseorang usahawan untuk menjamin kelestarian perniagaan yang dijalankan. Di dalam kajian ini kemahiran keusahawanan yang dinilai terdiri daripada tiga kompetensi iaitu kompetensi kognitif, kompetensi intrapersonal dan kompetensi interpersonal. Ini telah diputuskan oleh pihak Global Organization Economic Nation (GCEN) 2011 yang mengatakan bahawa pelajar perlu menguasai kemahiran keusahawanan bagi membina diri mereka untuk menghadapi dunia sebenar yang mencabar.

2.1.1 Kemahiran Kognitif

Konten pembelajaran akademik adalah merupakan asas di dalam pendidikan. Malah memahami konten pembelajaran dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang mempunyai pemikiran aras tinggi. Dengan memahami konten ini juga dapat meningkatkan kompetensi intrapersonal dan kompetensi interpersonal pelajar-pelajar tersebut. Kemahiran kognitif yang menjadi fokus dalam kajian ini adalah kefahaman terhadap konten, pemikiran kritikal dan kreatif. Abbott (2016), mengatakan bahawa kompetensi kognitif melibatkan kefahaman terhadap konten subjek yang dipelajari dalam konteks ini adalah subjek keusahawanan. Ini termasuk pemikiran secara kritikal dan kreatif yang menjadi elemen penting dalam kompetensi kognitif. Kajian Cohen (2013) menyatakan bahawa pelajar dapat menjana pendapatan dalam bidang keusahawanan dan meningkatkan pencapaian pelajar dalam akademik. Di dalam kajian ini, pengkaji lebih memberi fokus kepada konten subjek yang mampu meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar.

Di dalam Laporan 21st Century Competency Report (April, 2012), menyebut bahawa pembelajaran di abad ke-21 dapat dicapai sekiranya pelajar mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dalam subjek yang dipelajari. Kajian oleh Opfer (2012), pengajaran dan pembelajaran terhadap konten adalah faktor penting bagi menghasilkan kepelbagaian pendidikan masa hadapan.

Wagner (2010), dalam kajiannya mencadangkan bahawa untuk sesebuah organisasi bersaing dalam dunia global, maka pekerjanya semestinya adalah pekerja yang berfikiran di luar kotak dan sentiasa memperbaiki dirinya,

penambahbaik pada produk, proses atau perkhidmatan yang diberi. Manakala Doyle (2017) juga menyatakan dalam kajiannya bahawa ilmu keusahawanan adalah penting diambil tahu oleh masyarakat kerana ilmu ini dapat membantu meningkatkan sosio-ekonomi negara dan kehidupan masing-masing. Jim Soland (2013), menyatakan bahawa pemikiran kritikal termasuk penilaian secara induktif dan deduktif, serta membuat analisa, kesimpulan, dan penilaian yang betul. Pemikiran kritikal ini adalah penting bagi pelajar benar-benar faham konten pembelajaran untuk mereka mencapai prestasi dalam kerjaya mereka di masa hadapan. Wagner (2010) menyatakan bahawa perkara utama dalam proses penambahbaikan pengetahuan adalah mengetahui apa yang perlu ditanya pada masa yang sesuai.

Hilton (2013), menyatakan bahawa kunci kompetensi abad ke-21 termasuk nilai keusahawanan dan kreativiti, ini disebut oleh pelbagai organisasi dan sarjana, termasuk Organisasi untuk Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (2013), Penyelidikan Kebangsaan Majlis Yayasan Hewlett dan Bank Dunia, (2011) dan Dokumen Yayasan Kompetensi Abad ke-21 untuk Perbincangan, (2016).

Kreativiti adalah kemahiran dan bakat menggunakan imaginasi untuk mencipta dan menyelesaikan masalah. Pemikiran kreatif bermaksud berfikir tentang perkara-perkara baru atau berfikir dengan cara yang baru. Ia adalah "berfikir di luar kotak." Kreativiti melibatkan pemikiran dan keupayaan untuk melihat hal-hal yang tidak jelas. Sesetengah orang secara semulajadi lebih kreatif daripada yang lain, tetapi pemikiran kreatif dapat diperkuat dengan amalan. Mempraktikkan pemikiran kreatif dapat menyelesaikan masalah dan menyatakan andaian-andaian. Orang kreatif boleh merangka kaedah baru bagi melaksanakan tugas, menyelesaikan masalah, dan menghadapi cabaran. Mereka membawa perspektif yang baru dan luas dalam kerja mereka dan dapat membantu jabatan dan organisasi untuk bergerak ke arah yang lebih produktif (Doyle, 2017). Manakala fleksibiliti, secara fizikal, adalah keupayaan untuk menyesuaikan diri. Usahawan yang berjaya bertindak balas terhadap perubahan yang mereka perhatikan dalam persekitaran mereka, seperti keperluan baru pelanggan atau pesaing baru di pasaran mereka. Manakala kreativiti adalah keupayaan untuk menerima pandangan dari perspektif yang berbeza dan untuk melihat dan mencuba kemungkinan baru berdasarkan pemerhatian terbuka (perubahan dalam) alam sekitar. Lebih-lebih lagi, kreativiti merapatkan keupayaan untuk menjadikan masalah menjadi peluang baru. Ia merupakan bahan penting bagi keusahawanan yang berjaya.

2.1.2 Kemahiran Intrapersonal

Menurut Koenig (2011) dalam bukunya, kategori intrapersonal termasuk kompetensi mengatakan bahawa di dalam diri individu, mereka sendiri yang dapat membantu diri mereka untuk menyelesaikan masalah. Kategori ini juga dapat dikonseptualisasikan sebagai sikap dan tingkah laku yang mempengaruhi bagaimana pelajar menggunakan diri mereka di sekolah, kerja, dan tempat lain. Sikap pertumbuhan set minda, bagaimana belajar untuk belajar, bermotivasi untuk berjaya, dan menunjukkan kecemerlangan dalam mencapai matlamat.

Bermotivasi membawa kepada prestasi yang lebih baik dalam menjalankan pelbagai tugas. Kompetensi intrapersonal adalah kunci untuk memaksimumkan potensi pelajar. Penyelidikan oleh Dweck (2006), Walton dan Cohen (2011) dan Cohen (2013) menunjukkan, pelajar berisiko mencapai tahap yang lebih tinggi apabila mereka mempunyai minda pertumbuhan yang tinggi. Kompetensi intrapersonal dapat mempengaruhi bagaimana seseorang berfikir tentang kandungan akademik dan penguasaan kandungan teras. Tiga faktor dalam kompetensi intrapersonal adalah perkembangan minda, belajar bagaimana untuk belajar dan motivasi:

Carol Dweck (2016) menyatakan kelebihan mempunyai minda pertumbuhan yang ditetapkan menunjukkan bahawa apabila seseorang dapat membincangkan kandungan akademik teras terutamanya mata pelajaran berkaitan fakta seperti matematik dan sains. Beliau juga menunjukkan bahawa pelajar sering melakukan lebih baik dalam matematik apabila mereka mempunyai minda pertumbuhan yang tinggi, kerana mereka lebih bersedia untuk melibatkan diri dengan bahan yang sukar dan mengatasi kemunduran. Dweck dan lain-lain telah menerapkan kerangka kerja berfikiran terbuka yang mana ini menunjukkan bahawa pelajar berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk membangunkan kompetensi di abad ke-21 jika mereka memperlihatkan set minda yang betul (Dweck 2009, Stevenson et al 1990, Stevenson, Lee, dan Stigler 1986; Stigler dan Stevenson 1991) dalam Dokumentasi Yayasan Yayasan Ke 21 Abad ke Perbincangan, (2016).

Merujuk kepada Schunk dan Zimmerman (2011) dalam Dokumen Yayasan Kompetensi Abad ke-21, (2016), mereka menyatakan bahawa mempelajari bagaimana untuk belajar, atau "metakognisi," merujuk kepada keupayaan untuk menentukan apakah pendekatan terhadap sesuatu masalah atau tugas dan memantau serta menilai arah kemajuan masalah atau tugas tersebut. David Conley (2008) dalam Dokumen Yayasan Perbandingan Kompetensi Abad 21, (2016) secara khususnya menyatakan bahawa hubungan metakognisi adalah secara langsung terhadap kesediaan kolej dan merangkumi kecekapan menghadapi sesuatu situasi. Penyelidikan menunjukkan bahawa kecekapan metakognitif juga mempengaruhi bagaimana pelajar bertindak balas terhadap arahan bilik darjah. Pelajar yang memahami proses pembelajarannya sendiri lebih mampu memotivasi diri sendiri, bertindak balas terhadap maklum balas guru, dan membangunkan persepsi diri terhadap pencapaian akademik yang lebih kuat (Zimmerman 1990) dalam Dokumentasi Perbendaharaan Yayasan Ke 21 Abad, (2016).

Merujuk kepada pendapat Olien (2013), untuk mencapai matlamat mereka sebagai individu atau organisasi mereka perlu bermotivasi. Motivasi didefinisikan sebagai "daya dalaman yang memacu individu untuk mencapai matlamat peribadi dan organisasi. Keputusan yang diambil adalah berdasarkan motivasi seseorang yang mempengaruhi sasaran mereka dan memainkan peranan utama dalam meramalkan yang pelajar/usahawan akan mengejar peluang yang berjaya. Olien (2013) juga menyebut bahawa seorang usahawan mempunyai cara yang berbeza dalam melihat mereka risiko membelanjakan sumber sebelum mengetahui hasilnya. Motivasi terletak di tengah-tengah pandangan yang berbeza ini, dan membantu untuk menerangkan kepelbagaian dalam corak membuat keputusan di kalangan

usahawan. Motivasi telah ditemui untuk membantu usahawan mengembangkan pengetahuan, kemahiran, dan keupayaan yang diperlukan untuk berjaya. Proses yang mendorong orang untuk bertindak dan mencapai matlamat mereka kebanyakannya berdasarkan motivasi mereka. Pelajar mungkin menunjukkan motivasi intrinsik jika mereka menghabiskan lebih banyak masa belajar tentang sesuatu topik kerana mereka berminat mengenainya, sama ada atau tidak perkara ini merupakan tugas yang diperlukan. Kajian menunjukkan bahawa tanpa motivasi, pelajar tidak mungkin menguasai kandungan akademik teras, dan ini tidak akan membantu mereka dalam pengajian mereka (Barca-Lozano et al., 2012; Deci et al., 1991; Goslin, 2003; Guay et al., 2010). Penyelidikan Solesvik (2013) ke atas pelajar di sekolah-sekolah sekitar Asia membuktikan bahawa perkara motivasi ekstrinsik dan intrinsik yang mendalam meningkatkan pencapaian pendidikan mereka. Motivasi ekstrinsik sebahagian besarnya memberi tumpuan dalam pemeriksaan untuk menilai motivasi intrinsik berkaitan dengan sifat pelajar. Sedangkan motivasi intrinsik mempunyai unsur penting dalam penyelesaian masalah kompleks dan pencapaian (Deci & Ryan, 2012).

2.1.3 Kompetensi Interpersonal

Willingham (2010) menyatakan bahawa kompetensi interpersonal merangkumi kecekapan yang diperlukan oleh pelajar untuk berhubung dengan orang lain. Kecekapan ini bermula dengan kemampuan asas untuk berkomunikasi. Komunikasi, pada asasnya adalah hasil yang lebih pelbagai, seperti kerjasama dan kepimpinan. Ia juga termasuk kesedaran global yang merujuk kepada empati yang ditunjukkan dalam pelbagai keadaan yang dialami oleh seseorang dan pemahaman mengenai kesalinghubungan sesama manusia, institusi dan sistem. Tiga faktor penting yang terkandung dalam kompetensi interpersonal adalah kolaborasi, kepimpinan dan kesedaran global.

Merujuk kepada Olien (2013), beliau percaya bahawa komunikasi dan kerjasama adalah saling bergantung. Adalah sukar untuk kolaborasi tanpa komunikasi. Adalah didapati bahawa kompetensi interpersonal seperti kepimpinan melibatkan komunikasi dan kerjasama. Banyak rumusan keupayaan abad ke-21 termasuk toleransi dan kepekaan; kami menggariskan ciri-ciri ini di bawah tajuk kesedaran global, yang melibatkan empati kepada orang dalam pelbagai keadaan, di antara kecekapan lain. Komunikasi dan kolaborasi bergabung bersama untuk tujuan praktikal, walaupun mereka maknanya lebih luas. Menurut Jakki J. Mohr (1996) komunikasi dipecah menjadi tiga sifat iaitu kejelasan, berkongsi maklumat, dan keseimbangan di kalangan pelajar.

Pellegrino dan Hilton (2013) mencadangkan bahawa komunikasi adalah penting untuk memudahkan kerja berpasukan dan terletak pada teras empati, amanah, resolusi konflik, dan rundingan. Keberkesanan komunikasi di antara pelanggan dan kerja berpasukan dapat menghasilkan produk yang unggul. Kepentingan komunikasi dan kerjasama dalam tenaga kerja pasti menghasilkan tahap kemahiran yang tinggi dalam kalangan pelajar di institusi. Lauer mann (2017) menyebut dalam kajiannya, membentuk kumpulan yang mempunyai tugas yang berbeza menghasilkan membuat kumpulan pelajar melaksanakan tugas yang berbeza dan setiap

ahli kumpulan mempunyai tugas yang telah ditetapkan. Ini dapat membentuk kerja berpasukan yang baik dan kerjasama yang kuat di kalangan pelajar untuk melaksanakan tugas. Malah Perry, (2014) bersetuju bahawa pelajar-pelajar pada masa yang sama akan terlibat dalam semua jenis bahan dari membaca, mengira dan faktor saintifik yang sebenar. Disamping menggunakan kemahiran teknikal dan kemahiran carian mereka serta menggunakan kemahiran mereka dalam komunikasi sosial.

Kepimpinan merangkumi aspek komunikasi dan kerjasama. Sebagai pemimpin, seseorang individu mempunyai pandangan jauh ke hadapan dan kecekapan yang melibatkan orang. Kepimpinan juga merupakan satu proses latihan untuk membina keberanian dan pemimpin yang baik. Satu kajian yang dijalankan oleh Marc (2013) di seluruh negara-negara Asia merumuskan bahawa kepimpinan melibatkan seseorang mempunyai inisiatif, konsensus yang baik, strategi baru dan inovasi baru, dan cuba melaksanakan dasar dan program dalam kerjasama dengan atau di bawah arahan lain. Penyelidikan juga menunjukkan bahawa sifat kepimpinan mungkin berubah. Ini merupakan faktor yang sangat penting bagi para pemimpin mana-mana perniagaan untuk mempunyai keupayaan untuk bertindak dalam visi dan menganjurkan orang lain untuk pergi dengan visi tersebut (Ball, 2010)


Dalam abad ke 21 ini, kesedaran global telah meningkat dengan pentingnya pertumbuhan budaya, sosial, dan hubungan budaya dalam kalangan masyarakat di negara. Kesedaran global melibatkan komponen utama akademik, kognitif, dan kecekapan interpersonal yang memerlukan kemahiran interpersonal yang kompleks. Kecekapan interpersonal yang dipelajari adalah berdasarkan kepada kesedaran global iaitu empati dan simpati. Bentuk empati khusus hanya satu segi sifat interpersonal global. Kesedaran di seluruh dunia bermakna seseorang juga mesti menunjukkan pemahaman mengenai kesalinghubungan orang, institusi, dan sistem. Mampu mengkaitkan bagaimana sesuatu tindakan boleh menjejaskan orang lain, atau bagaimana peristiwa tempatan mempengaruhi dan dipengaruhi oleh peristiwa global, merupakan bahagian teras kesedaran global (Soland, 2013) dan aspek-aspek kesedaran global ini telah terikat kepada kejayaan dalam ekonomi antarabangsa.

2.2 Kerangka Konseptual

Rajah 1 di bawah menunjukkan rangka kerja konseptual penyelidikan. Reimers (2014) menjelaskan bahawa untuk mendidik anak-anak, mereka mesti menjalani pengalaman hidup sebenar dan belajar dari orang lain. Proses pendidikan tidak lagi menjadi pemikiran tetapi ia kini merupakan proses yang berterusan, mewujudkan idea dan memperoleh kemahiran untuk memenuhi keperluan pekerjaan dalam industri. Dari kemahiran mengajar dan pembelajaran, pelajar keusahawanan dilatih dan memahami pendidikan 4.0 pada abad ke-21.

Rajah 1 di bawah menunjukkan bahawa dari proses PdP keusahawanan, penyelidik ingin melihat kompetensi dalam kalangan pelajar yang mengambil subjek keusahawanan dan keupayaan mereka untuk mengaplikasikan diri sebagai modal insan dengan ciri keusahawanan holistik seperti yang dinyatakan dalam 10 Pelan Tindakan Pendidikan Malaysia (PTPM).

Rajah 1: Kerangka konseptual



3.0 Metodologi

Kaedah melaksanakan penyelidikan melibatkan aspek rekabentuk kajian dalam memperoleh dan menganalisis data.

3.1 Lokasi dan Rekabentuk Kajian

Dalam kajian ini, satu tinjauan ke atas tahap kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti Perak Di Abad 21. Kajian ini ingin melihat secara menyeluruh samada pelajar kolej komuniti mempunyai kemahiran keusahawanan yang tinggi dalam diri mereka untuk mendorong mereka menjadi usahawan. Kajian ini dijalankan di Kolej Komuniti Sungai Siput, Kolej Komuniti Chenderoh, dan Kolej Komuniti Pasir Salak. Rekabentuk kajian yang digunakan di dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan/pemerhatian. Ini adalah kerana kaedah tinjauan adalah lebih sesuai digunakan untuk penyelidikan yang memerlukan maklumat yang sebanyak mungkin tentang sesuatu populasi. Menurut Najib (1999), kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik merupakan salah satu kaedah yang paling popular dalam kalangan penyelidik.

3.2 Pengumpulan Data dan Instrument Kajian

Sumber untuk mendapatkan data bagi kajian adalah soal selidik. Menurut Majid (2000) adalah data-data mentah ini diperolehi daripada instrumen kajian daripada soalan soal selidik dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang sangat tepat.

Jadual 2: Jenis-jenis konstruk

Bil	Item	Bilangan Soalan	Jenis Soalan
A	Demografi Pelajar	6	Skala likert 5 poin
B	Tahap Kompetensi Kognitif	20	
C	Tahap Kompetensi Intrapersonal	20	
D	Tahap Kompetensi Interpesonal	20	

Menurut Majid 2000, Instrumen kajian adalah penting bagi mencapai objektif sesuatu kajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Oleh kerana kajian yang dijalankan berbentuk tinjauan, kaedah

yang sesuai digunakan adalah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Rujuk jadual 2 di atas.

3.3 Kaedah Analisis

Terdapat satu set borang soal selidik yang ditadbirkan. Soal selidik mempunyai empat bahagian iaitu bahagian A-Demografi Pelajar, bahagian B-Tahap Kompetensi Kognitif, C- Tahap Kompetensi Intrapersonal dan D-Tahap Kompetensi Interpesonal.

Keseluruhan data-data dianalisis menggunakan perisian 22.0 Statistical Package for Social Science (SPSS). Pernyataan-pernyataan yang disediakan di dalam borang soal selidik adalah mengikut skala 5 likert. Skala 5 likert digunakan di dalam kajian ini kerana ianya mempunyai tahap kebolehpercayaan dan ketepatan yang baik iaitu 85 peratus Najib, 1999. Penggunaan skala Likert adalah sesuai kerana ianya merupakan satu inventori yang melibatkan perasaan individu terhadap sesuatu idea, prosedur dan institusi sosial. Penggunaan skala likert dalam kajian adalah seperti dalam jadual 3.

Jadual 3: Skala Likert

Skala Likert	Pernyataan	
1	Sangat Tidak Setuju	STS
2	Tidak Setuju	TS
3	Kurang Setuju	TP
4	Setuju	S
5	Sangat Setuju	SS

3.4 Kajian Rintis

Item soalan kemahiran keusahawanan ini di bahagi kepada 3 sub-topik utama, iaitu kemahiran kognitif, kemahiran interpersonal dan kemahiran intrapersonal. Soal selidik ini telah diadaptasikan oleh pengkaji dengan merujuk kepada rujukan utama iaitu dari Tipton, (2017); Christopher (2016); Facione (2015). Soal selidik ini telah diubah mengikut kesesuaian persoalan kajian dan ditadbirkan kepada pelajar semester 1 untuk melihat kesuaian mengikut laras bahasa dan kefahaman pelajar terhadap keperluan soalan tersebut. Manakala untuk nilai kebolehpercayaan pula, kaedah Alpha Cronbach telah digunakan dan nilai alpha 0.81 adalah nilai minimum untuk diterima.

Ujian ini dilakukan untuk melihat kesahan dan tahap keyakinan item tersebut. Goforth (2015) seorang penyelidik menyebut bahawa alpha Cronbach adalah ukuran yang digunakan untuk menilai kebolehpercayaan dan konsistensi item ujian set. Kebolehpercayaan merujuk kepada ukuran konsep yang konsisten. Alpha (α) atau alpha koefisien Cronbach dibangunkan oleh Lee Cronbach pada tahun 1951. Ia digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan dan konsistensi. "Kebolehpercayaan" adalah sejauh mana ujian mengukur apa yang sepatutnya (Stephanie, 2014).

Secara umum, skor lebih daripada 0.7 biasanya boleh digunakan untuk mentadbir soal selidik. Walau bagaimanapun, sesetengah penyelidik mencadangkan nilai lebih tinggi 0.90 hingga 0.95.

Jadual 5: Nilai alpha cronbach setiap item soalan

Item	Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized items	N of items
Kemahiran Keusahawanan:			
Tahap Kompetensi Kognitif	0.876	0.964	20
Tahap Kompetesni Interpersonal	0.900	0.897	20
Tahap kompetensi Intrapersonal	0.957	0.957	20

4.0 Dapatan Kajian Dan Analisis

Davies (1971) meletakkan tahap rendah, sederhana dan tinggi berasaskan skala likert 5 poin yang digunakan. Dalam kajian ini pengkaji meletakkan kepada 3 tahap, iaitu rendah, sederhana dan tinggi sebagaimana pernah dilakukan oleh pengkaji Rizal (2008). Pententuan tahap tersebut berdasarkan skor min sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 7: Penentuan tahap berdasarkan skor.

Julat Skor Min	Tafsiran Ukuran Tahap	Keberkesanan
1.00 - 2.39	Sangat Tidak Setuju	Rendah
2.40 - 3.79	Tidak Setuju	Sederhana
3.80 - 4.79	Setuju	Sederhana tinggi
4.80 - 5.00	Sangat Setuju	Tinggi

4.1 Bahagian A – Demografi Responden

Bahagian demografi ini dianalisis dengan menunjukkan responden 93.3 peratus adalah responden lelaki dan 17.0 peratus adalah responden perempuan. Manakala 28.9 peratus responden dari KKSS, dari KKPS 42.6 peratus dan 28.5 peratus dari KKCP. Responden yang berumur 18 – 20 tahun adalah 93.2 peratus, 21 – 23 tahun adalah 5.1 peratus, 1.3 peratus responden di antara 24 – 26 tahun dan 04 peratus responden berumur di antara 27 – 29 tahun. Kebanyakan respond mempunyai SPM 98.7 peratus dan 1.3 peratus respon memiliki Diploma. Berdasarkan latar belakang keluarga yang berniaga, 50.6 peratus menyatakan ya dan 49.4 peratus menjawab tidak. Akhir sekali bagi kategori berminat untk menjadi usahawan sebagai kerjaya 84.7 peratus reponden memeberi jawapan YA dan 15.3 peratus responden menjawab TIDAK. Rujuk jadual 7 di bawah.

Jadual 8: Demografi responden

Faktor Demografi	Item	Jumlah	Kekerapan (peratus)
Jantina	Lelaki	195	83.0
	Perempuan	40	17.0
Kolej	KKSS	68	28.9
	KKCP	67	28.5
	KKPPS	100	42.6
Umur	18 – 20 tahun	219	93.2
	21 – 23 tahun	12	5.1
	24 – 26 tahun	3	1.3
	27 29 tahun	1	0.4
Latar belakang akademik	SPM	232	98.7
	Diploma	3	1.3
Ahli keluarga berniaga	Ya	119	50.6
	Tidak	116	49.4
Minat menjadi usahawan sebagai karjaya	Ya	199	84.7
	Tidak	36	15.3

4.2 Dapatan Kajian

Bedasarkan Jadual 9 di bawah skor min bagi 3 item soal selidik dalam kemahiran keusahawanan berada di tahap sederhana tinggi. Bagi melihat tahap kompetensi kognitif skor min adalah 4.33, manakala menilai tahap kompetensi intrapersonal skor min adalah 4.22 dan menilai tahap kompetensi interpersonal skor min adalah 4.28. Item soal selidik berada di tahap rendah. Bagi seluruhan skor min bagi kemahiran keusahawanan ini adalah pada 4.28.

Jadual 9: Skor min kemahiran keusahawanan

Bil	Item	Skor Min
1	Tahap kompetensi kognitif	4.33
2	Tahap kompetensi intrapersonal	4.22
3	Tahap kompetensi interpersonal	4.28
	Skor min keseluruhan	4.28

5.0 Perbincangan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kompetensi kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar Kolej Komuniti Negeri Perak di abad ke-21. Tahap kompetensi kemahiran keusahawanan ini dibahagikan kepada 3 iaitu tahap kompetensi kognitif, tahap kompetensi intrapersonal dan tahap kompetensi interpersonal.

Bagi menjawab objektif kajian yang pertama iaitu mengenalpasti tahap kompetensi kognitif pelajar bagi kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti Negeri Perak di abad ke-21, hasil kajian mendapati skor min bagi tahap kompetensi kognitif pelajar adalah pada

tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang keusahawanan. Ini adalah bersesuaian dengan kajian Abbott (2016), dan Cohen (2013) yang mengatakan bahawa kefahaman pelajar terhadap konten subjek yang dipelajari, termasuk pemikiran secara kritikal dan kreatif adalah elemen yang penting terutama sekali di abad ke-21. Kompetensi kognitif dalam konteks ini adalah subjek keusahawanan. Kajian ini menyatakan bahawa pelajar dapat menjana pendapatan dalam bidang keusahawanan dan meningkatkan pencapaian pelajar dalam akademik. Dalam kajian ini, pengkaji lebih memberi fokus kepada konten subjek yang mampu meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar. Penemuan ini juga menyokong kajian Opfer (2012) yang mengatakan bahawa kefahaman kognitif adalah faktor penting bagi menghasilkan kepelbagaian pendidikan masa hadapan.

Untuk membincangkan objektif kedua dalam kajian ini iaitu mengenalpasti tahap kompetensi intrapersonal pelajar bagi kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti Negeri Perak di abad ke-21, mendapati bahawa skor min juga adalah pada tahap sederhana tinggi. Penemuan kajian ini adalah selari dengan kajian yang telah dilakukan oleh yang mengatakan bahawa keupayaan dan kreativiti dapat menentukan nilai keusahawanan pelajar

Untuk membincangkan objektif ketiga mengenalpasti tahap kompetensi interpersonal pelajar bagi kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti Negeri Perak di abad ke-21, skor min juga menunjukkan skor min sederhana tinggi. Penemuan kajian ini menyokong kajian yang dibuat oleh Willingham (2010), Olien (2013), Pellegrino dan Hilton (2013) dan Linda Ball, (2010) yang menyatakan bahawa kecekapan ini bermula dengan kemampuan asas untuk berkomunikasi, mempunyai keupayaan untuk memimpin dan bertindak secara berkumpulan dan saling bergantung dapat meningkatkan tahap kompetensi interpersonal pelajar.

5.1 Kesimpulan

Kemahiran keusahawanan adalah merupakan keperluan dalam setiap individu bagi meningkatkan keinginan menjadi usahawan. Ilmu pengetahuan merupakan agenda utama dalam mengharungi keperluan ilmu keusahawanan itu sendiri. Tanpa ilmu pengetahuan pastinya seseorang itu menjadi jahil dan tidak tahu apa yang diperlukan dalam kehidupan ini. Intrapersonal merupakan faktor dalaman individu yang amat penting untuk melihat keperluan dalaman individu. Adakah mereka boleh menahan dalam menghadapi rintangan atau menyerah diri apabila tidak dapat menyelesaikan apa-apa permasalahan. Manakala keperluan interpersonal merupakan faktor luaran yang memerlukan setiap individu berhubung dengan dunia luar. Faktor ini diperlukan untuk memberi kekuatan individu menghadapi dunia sebenar. Kesimpulan daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa kemahiran keusahawanan ini perlu untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam bidang keusahawanan sebagai menyahut keperluan Negara untuk melahirkan insan yang holistic dan mempunyai ciri-ciri keusahawanan.

Rujukan

10 Pelan Tindakan Pelajaran Malaysia (PTPM).

21st Century Competencies Foundation Document For Discussion. 2016. *Towards Defining 21st Century Competencies For Ontario*, 1 - 36.

Abbot, K. 2014. *Mountain Heights Academy*. Retrieved from Retrieved from Mountain Heights Academy: <https://www.mountainheightsacademy.org/>

Abbott, S. 2016. *Education Reform* . Retrieved From Education Reform : <Http://Edglossary.Org/21st-Century-Skills>

Alexandria Valerio. 2014. Entrepreneurship Education develop skills with the competences applicable to life and work.

Buerah Tunggak, Hussin Salamon dan Baharin Abu. 2011. Keperluan Latihan dan Pendidikan Berterusan Ke Arah Pembangunan Usahawan Muslim Berteraskan Nilai Islam di Malaysia. *Jurnal Teknologi*. 55 (Sains Sosial).121-144.

Conley, D. T. 2011. Crosswalk Analysis of Deeper Learning Skills to Common Core State Standards. Epic Education Policy Improvement Centre Hewlett Foundation, 1 - 17.

Crowl, T. K. 1997. *Educational Psychology: Windows On Teaching*. Madison, Wi: *Brown And Benchmark*.

Dasar Ekonomi Baru. 1971-1990

Dasar Pembangunan Negara. 1990-2000

Deci, E. L. 2012. In *The Oxford Handbook of Human Motivation*. Overview of Self-Determination Theory, Edited By R. Ryan. Oxford, UK: Oxford University Press. 26(3-4): 325-46.

Doyle, A. 2017. Creative Thinking Definition, Skills, and Examples. Retrieved From Job Searching: <https://Www.Thebalance.Com/Creative-Thinking-Definition-With-Examples-2063744>

Esther Cohen, S. R. 2013. The Practicum in Preservice Teacher Education: A Review of Empirical Studies. *Journal Teaching Education* Volume 24, 2013 - Issue 4, 345-380.

Farizah Ariffin Asmiza Osman Rashdan Rashid. 2012. Program Usahawan Muda (PUM) - Memupuk Budaya Usahawan Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin: Satu Kajian Deskriptif

- Global Organization Economic Nation (GCEN). 2011. Preparing Teachers and Developing School Leaders for the 21st Century.
- Goforth, C. 2015. Using And Interpreting Cronbach's Alpha. Retrieved From University Of Virginia Library: <http://Data.Library.Virginia.Edu/Using-And-Interpreting-Cronbachs-Alpha/>
- Harun, M. 2012. Koperasi Politeknik Tubuh Pusat Inkubator Keusahawanan. Retrieved April 21, 2012 from <http://www.angkasa.coop/pelancar/arkib/jan06/january019.html>.
- Hilton, J. W. Pellegrino dan Hilton. 2013. Education for Life and Work: Developing Transferable Knowledge and Skills in the 21st Century. National Academy of Sciences, 242 Pages.
- Izaidin Abdul Majid, Mohd Shamsuri Mohd Saad, Sabri Mohamad Sharif & Huzili Hussin. 2014. Exploring Entrepreneurship Education and Training.
- Jabatan Pengurusan Kolej Komuniti. 2016. Data daripada Laporan Lepsan Garduan Kolej Komuniti.
- Jakki J. Mohr, R. J. 1996. Collaborative Communication In Interfirm Relationships: Moderating Effects Of Integration And Control . *Journal Of Marketing*, Vol. 60, No. 3, 103-115.
- Jim Soland, L. S. 2013. Measuring 21st Century Competencies, Guidance for Educators. USA: Global Cities Education Network Report, Nov. 2013, 68 P.
- John E. Opfer, R. H. 2012. Cognitive Foundations For Science Assessment Design: Knowing What Students Know About Evolution. *Journal of Research in Science Teaching* Vol. 49, No. 6, 744-777.
- Koenig, M. E. 2011. *Knowledge Management In Theory And Practice (2nd Ed.) Volume 62, Issue 10*. Usa: John Wiley & Sons, Inc.
- Laporan 21st Century Competency Report. April, 2012. Dokumen Yayasan Kompetensi Abad ke-21 untuk Perbincangan. 2016.
- Lauermann, F. 2017. Teacher Motivation, Responsibility, Pedagogical Knowledge and Professional: A New Era for Research. *Pedagogical Knowledge and the Changing Nature of the Teaching Profession*, 173 - 278.
- Linda Ball, E. P. 2010. Report for Stage 2 Qualitative Research - Creative Graduates Creative Futures Education Partnership and the Institute

for Employment Studies. UK: E Creative Graduates Creative Futures Higher.

Marc G. Berman, E. K. 2013. Interacting With Nature Improves Cognition And Affect For Individuals. *Journal of Affective Disorders*, 300–305.

McClelland, D. C. 1961. *The Achieving Society*. New York: Collier-MacMillan.
Mohamad Najib Abdul Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Muhammad Haron Husaini & Khairul Anuar Ahmad. 2013. *Kemahiran Keusahawanan: Satu Kajian Analisis Kandungan Buku-Buku Teks*
Nik Mustapha B. Hj. Nik Hassan. 1989. “Pendekatan Sistem Ekonomi Islam Dalam Meningkatkan dan Memajukan Kedudukan Ekonomi Masyarakat Melayu”, *Occasional Paper Kulliyah of Economics*, j. 1:1, Gombak: International Islamic University.

Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun. 2010. Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1) (2010): 11-17

Olien, J. 2013. *A Guide To Entrepreneurial Competencies. Characteristics Of Success*. Charlotte, North Carolina’s University City. : Ventureprise, Inc.

Perry, V. L. 2014. *Education for the 21st Century: Executive Summary*. America: Cambridge, Ma.

Reimers, F. M. 2014. *Education For The 21st Century A Synthesis Of Ideas From The Harvard University Advanced Leadership Initiative Think Tank*. Cambridge, Ma: Education For The 21st Century: Executive Summary.

Sarimah Hanim Aman Shah. 2008. *Satu Kajian Teknik Pengumpulan Dataanalisis Keperluan Latihan Di Kalangan pengurus-Pengurus Sumber Manusia*. Universiti Malaysia Sarawak.

Soaib Asimiran & Rosnani Jusoh. 2011. *Membangunkan Kemahiran Generik Usahawan Malaysia (KEGUM): Satu Kajian Kes Ke Atas Usahawan Makanan*.

Solahuddin Abdul Hamid. 2012. *Pusat Pengajian Umum Kolej Sastera dan Sains Universiti Utara Malaysia*. (2014). *Melestarikan Pembangunan Budaya Usahawan Secara Holistik Bagi Melahirkan Graduan Berkompetensi*.

Solesvik, M. Z. 2013. *Entrepreneurial Motivations and Intentions: Investigating the Role of Education Major*. *Entrepreneurial Motivations and Intentions*, 253 - 271.

- Stephanie. 2014. Cronbach's Alpha: Simple Definition, Use and Interpretation. Retrieved From Statistics How To: <http://Www.Statisticshowto.Com/Cronbachs-Alpha-SPSS/>
- Suhaili bin Sharif. 2006. "Elemen-Elemen Dalam Pembangunan Usahawan: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam", (Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan. 26-27 Julai.
- V. Darleen Opfer, A. R. 2012. Learning 21st-Century Skills Requires 21st-Century Teaching. Asia: A Global Cities Education Net Work Report.
- Van Gelderen, M. 2007. Research based yet action oriented: Developing individual level enterprising competencies. Kertas kerja yang dibentangkan di 17th Global Conference – Internationalizing Entrepreneurship Education and Training, 8 – 11 July, 2007, Faculty of Management and Economics, Gdansk University of Technology. Gdansk: Poland.
- Wagner, T. 2010. Overcoming the Global Achievement Gap. Journal Of Financial Intermediation Harvard University, Vol. 19, Issue 3, 373-386.
- Wawasan 2020
- Willingham, A. J. 2010. 21st Century Skills, Not New but worthy challenge. *American Educator*, 1- 4.
- Yusof, A. A. 2010. Pengenalan Kepada Usahawan Dan Keusahawanan. . Kuala Lumpur: Scholar Mind Publishing Bahasa Dan Pustaka.
- Z.A. Lope Pihie and A.Bagheri. 2011. Are Teachers Qualified To Teach Entrepreneurship? Analysis of Entrepreneurial Attitude and Self-Efficacy. *Journal of Applied Science*, 1 - 8.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias. 1998. Keusahawanan dan Motivasi Diri. Serdang: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Zimmerman, M. A., & Chu, H. M. 2013. Motivation, Success, And Problems Of Entrepreneurs In Venezuela . *Journal Of Management Policy And Practice*, 1 - 5.